



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**9 Julai 2023
20 Zulhijjah 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Udang import jejas pengusaha • Projek Pasar Nelayan di bandar diperluas
Harian Metro	•
Kosmo !	• LKIM lancer projek perintis pasar nelayan dalam bandar • 'Udang import kacau pendapatan kami'
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/ SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		
				16	9/7/2023

16

Nasional

9 Julai 2023 BH AHAD

Udang import jejas pengusaha

Harga jatuh akibat bekalan berlebihan rugikan syarikat

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Pasir Gudang: Pengusaha udang di seluruh negara mengeluh kerana harga jualan turun lebih 40 peratus sejak dua bulan lalu berikutan peningkatan kemasukan udang import.

Pengerusi Persatuan Industri Udang Malaysia, Syed Omar Syed Jafaar berkata lebih 3,000 syarikat pengusaha udang termasuk di Sabah dan Sarawak terpaksa meninggung kerugian apabila harga jualan udang kurang daripada kos operasi.

Katanya, masalah itu disebab-

kan kemasukan ketara udang import khususnya dari Thailand dan Indonesia yang menjadikan bekalan melebihi permintaan.

"Sebelum ini harga sekilogram udang RM26, tetapi kini jatuh hingga RM15 sekilogram, sedangkan kos operasi secara kasar bagi satu kilogram udang talah RM17."

"Di Malaysia terdapat 12,500 hektar kawasan penternakan udang dengan penggunaan teknologi canggih, malah pengeluaran udang juga mencecah 18,000 tan setahun yang mampu menampung permintaan 38,000 tan setahun."

Penguatkuasaan biosecuriti

"Sebelum 2000 kita tiada masalah ini, malah kita menjadi peng ekspor udang hampir 50 peratus ke kilang di Thailand."

"Tetapi sejak 2000 melalui penguatkuasaan biosecuriti, pelbagai



Syed Omar Syed Jafaar (dua dari kiri duduk) bersama sebahagian penternak udang

(Foto: Omar Ahmad/BH)

prosedur dilalui termasuk lori yang membawa udang ditahan sehingga 24 jam yang memejaskan kualiti kesegaran udang selepas itu kita tidak lagi mengeksport udang ke Thailand," katanya di sini semalam.

Syed Omar berkata, pihaknya

berharap kerajaan dapat membantu memperkasa industri aquakultur udang dengan mengelakkan sistem biosecuriti pengimpor udang.

Katanya, udang import yang masuk dari Thailand dan Indonesia yang masuk ke negara ini dilisytihar produk makanan laut menyebabkan ia tidak melalui sistem biosecuriti yang ketat,

sebagaimana dilalui syarikat pengusaha tempatan.

"Udang dari Thailand dan Indonesia yang masuk ke negara ini dilisytihar produk makanan laut menyebabkan ia tidak melalui sistem biosecuriti yang ketat," katanya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	
							19 9/7/2023

BH AHAD 9 Julai 2023

Projek Pasar Nelayan di bandar diperluas

Pembukaan sasar lokasi jauh dari pantai, bekalkan pengguna harga ikan lebih murah

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Seremban: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan memperluaskan projek Pasar Nelayan di se-

di kawasan bandar, terutama yang jauh dari pantai ke seluruh negara.

Pasar Nelayan Seremban 2, dekat City Centre Seremban 2, di sini, yang berkonsepkan pasar mini dalam bangunan keseluruhan projek rintis dan menjadikan standard kepada projek sama pada masa akan datang.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, berkata, sesuai dengan situasi ketika ini yang menyaksikan kos sara hidup tinggi, projek berkenaan mampu membolehkan ikan segar turun ke daerah pergun-

na dengan harga berpatutan.

Sehingga kini, kami mempunyai 136 Pasar Nelayan di se-



Muhammad Faiz merasmikan pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2, semalam

(Foto Ahmad Hasbi/BH)

luruh negara dengan empat daripadanya di Negeri Sembilan. Bagaimanapun, kebanyakannya permulaan berdekatan pantai atau kawasan pinggir bandar.

"Pasar di sini (Seremban) adalah projek rintis di kawasan bandar dan akan diperluaskan ke Rembau serta Nilai termasuk ke negeri lain pula selepas itu," katanya selepas perasmian pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesehan LKIM, Abdul Salim Taudin, Pe-

ngaruh LKIM Negeri Sembilan, Muhammad Afia Zaili dan Pengurus Persatuan Nelayan Negeri Sembilan (PENNNS), Abu Bakar Dawam

Gantikan peodapatan

Muhammad Faiz berkata, pembukaan Pasar Nelayan di kawasan bandar memberi peluang kepada pengguna yang jauh dari pantai mendapatkan ikan segar hasil har- ga lebih murah.

"Ikan ini dibekalkan daripada nelayan lepas ke dapur pengguna tanpa orang tengah atau pembeda."

Itu memadikan harga ikan lebih murah kerana memotong ranjauan bekalan.

Dengan cara ini juga, nelayan mendapat pulangan yang lebih besar, sekali gus membantu mereka meningkatkan pendapatan lebih tinggi.

"Selain itu, nasi beras nelayan agak ter tekuk kerana ia dibeli pada harga murah oleh pemborong."

"Kami menyasarkan untuk membuka Pasar Nelayan ini ke setiap daerah, namun ia bergantung kepada permintaan dan penawa-

ran," katanya.

Nasional

19

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	15	9/7/2023

LKIM lancar projek perintis pasar nelayan dalam bandar

SEREMBAN – Lembaga Kemasukan Ikan Malaysia (LKIM) melancarkan projek perintis Pasar Nelayan di kawasan bandar di Seremban 2 di sini semalam.

Kata Pengurusnya, Muhammad Faiz Fadzil, objektif utama Pasar Nelayan adalah untuk mewujudkan satu peluang pasaran hasil perikanan secara bersepadu dan setempat.

Katanya, kewujudan Pasar Nelayan di kawasan bandar itu juga bertujuan memberi peluang kepada penduduk di kawasan berkenaan mendapatkan ikan yang bermutu dan segar.

"Ia juga memberi peluang untuk mendapatkan ikan pada harga yang berpatutan disamping mempergiatkan penglibatan Persatuan Nelayan.

"Mengikut rekod Pasar Nelayan ini adalah merupakan yang keempat di Negeri Sembilan dan yang pertama di kawasan bandar," katanya ketika Majlis Pelancaran Seremban 2 di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan LKIM, Dr. Abdul Salim Tajudin, Pengarah LKIM Negeri Sembilan, Muhammad Afiq Zali dan Pengurus Persatuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar



MUHAMMAD FAIZ (dua dari kanan) ketika melawat gerai ikan pada Majlis Pelancaran Pasar Nelayan di Seremban 2 di Seremban semalam.

Dawam.

Ujar Muhammad Faiz, LKIM tidak mahu hanya orang luar bandar merasai ikan segar.

Tambahnya, LKIM juga menyasarkan setiap negeri perlu

ada premis seperti itu.

"Kita juga ada membuat perancangan untuk mengembangkan Pasar Nelayan seperti ini di setiap daerah di Negeri Sembilan," tambahnya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	16	9/7/2023



Kosmo! Ahad 9 JULAI 2023

SYED OMAR (duduk, dua kiri) bersama sebahagian pengusaha ternakan udang tempatan mengadakan sidang cebar di Hotel D Elegance, Bandar Seri Alam, Johor Bahru kelmarin.

3,000 penternak jual hasil pada harga lebih rendah

'Udang import kacau pendapatan kami'

leh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Pendapatan rata-kira 3,000 pengusaha udang ternakan di negara ini makin tergeser ekoran lambakan kemasukan udang import ke pasaran empatan sejak dua bulan lalu.

Pengerusi Persatuan Industri Idang Malaysia, Syed Omar Syed aafar berkata, harga udang diasarkan ketika ini adalah lebih endah berbanding kos operasi.

Menurut beliau, kerugian yang ditanggung pengusaha pula kini nampaknya sehingga 40 peratus berbanding dua bulan lalu.

"Dua bulan lalu, udang tempatan masih dijual pada harga RM26 sekilogram, namun ketika ni harga pasaran sudah jatuh sehingga RM15 sekilogram.

"Situasi berlaku disebabkan ambakan kemasukan udang import ke pasaran tempatan berasusnya dari Thailand dan Indonesia yang menyebabkan sekalain melebihi permintaan sedha ada," katanya dalam sidang media yang diadakan di Hotel D Elegance, Bandar Seri Alam, di-



HARGA udang ternakan di pasaran tempatan kini jatuh sehingga RM15 sekilogram.

sini kelmarin.

Jelasnya, ketika ini seramai lebih 3,000 pengusaha udang ternakan mengusahakan produk itu melibatkan tanah berkewaspasan 12,500 hektar di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Setian tahun, kita menghasilkan kira-kira 48,000 metrik tan

udang dengan permintaan pasaran tempatan hanyalah 36,000 metrik tan. Jadi, banyak hasilnya dieksport ke luar negara.

Namun, tumbul kesukaran apabila udang-undang biosikuriti negara terabit dikawal ketat menjadikan ia memakan masa sebelum diluluskan ke masukan sehingga menjatuhkan harga udang.

"Dalam masa sama, undang-undang biosikuriti negara ini pula memudahkan kemasukan udang import yang diisyithir sebagai 'makanan laut'."

"Ia menyebabkan pengusaha mengalami kerugian apabila kos operasi lebih tinggi daripada harga jualan," ujarnya.

Syed Omar memberitahu, sebelum tahun 2000, industri itu tidak berdepan masalah memandangkan udang Malaysia memimpin sekitar 50 peratus permintaan udang di Thailand.

Sehubungan itu, pihaknya minta kerajaan mengetarkan undang-undang biosikuriti negara melibatkan udang import agar setara dengan negara lain.